



Ruj. Kami : KUDR/IWK/B/08/24/0043 (†)  
Tarikh : 24 September 2024

**GERGASI BARU SDN. BHD.**

No 26A,  
Jalan Lang Jaya 1,  
Pusat Komersial Lang Jaya,  
30010 Ipoh,  
Perak Darul Ridzuan  
(u.p: Ahmad Faizal Bin Azmi)



Tuan/Puan,

**PROJEK / KERJA : PERMOHONAN KELULUSAN IZIN LALU BAGI CADANGAN SALURAN  
PEMBENTUNGAN BAGI TUJUAN SKIM PERNIAGAAN SELUAS 9.760  
EKAR (3.9497 HEKTAR) DI ATAS LOT 200959 (PN: 112512) HINGGA  
LOT 200960 (PN: 112520), LOT 511553 (PN: 381706), PT 275971 HSD  
245209), DI BERCHAM, MUKIM HULU KINTA, DAERAH KINTA, PERAK  
DARUL RIDZUAN UNTUK TETUAN GERGASI BARU SDN. BHD.**

**PERKARA : PEMAKLUMAN KELULUSAN IZIN LALU BESERTA SYARAT**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa kebenaran laluan Izin lalu pihak Tuan/Puan telah mendapat kelulusan daripada pihak Majlis Bandaraya Ipoh dengan ulasan yang perlu dipatuhi, seperti berikut:

Bil.	Perkara
i.	Menjelaskan bayaran caj perkhidmatan OSA sebanyak RM 5100.00 seperti yang dimuatnaik dalam sistem KUDRAT (Sebut Harga: QT-09-0043)
ii.	Menjelaskan bayaran permit sebanyak RM 27,288.00 sebelum kerja-kerja dimulakan di tapak dalam bentuk Cek/Bank Draf.
iii.	Menjelaskan wang cagaran sebanyak RM 5000.00 sebelum kerja-kerja dimulakan di tapak dalam bentuk Cek/Bak Draf (wang akan dikembalikan setelah 12 bulan kerja siap).
iv.	Kerja korekan terbuka di atas jalan berturap hendaklah dimulakan secara <i>clean-cut with diamond cutter</i> atau seumpama dengannya. Penggunaan jentera pengorek secara terus adalah tidak dibenarkan.
v.	Lebar korekan adalah sekurang-kurangnya sama lebar dengan <i>compactor</i> (600mm).
vii.	Pelan Infrastruktur Utiliti (UDM) dan Pelan Kawalan Trafik (TCP) diperlukan bagi syarat-syarat kelulusan permit.





Ruj. Kami : KUDR/IWK/B/08/24/0043 (17)  
Tarikh : 24 September 2024

**PROJEK / KERJA : PERMOHONAN KELULUSAN IZIN LALU BAGI CADANGAN SALURAN PEMBENTONGAN BAGI TUJUAN SKIM PERNIAGAAN SELUAS 9.760 EKAR (3.9497 HEKTAR) DI ATAS LOT 200959 (PN: 112512) HINGGA LOT 200960 (PN: 112520), LOT 511553 (PN: 381706), PT 275971 HSD 245209), DI BERCHAM, MUKIM HULU KINTA, DAERAH KINTA, PERAK DARUL RIDZUAN UNTUK TETUAN GERGASI BARU SDN. BHD.**

**PERKARA : PEMAKLUMAN KELULUSAN IZIN LALU BESERTA SYARAT**

---

3. Sehubungan itu, bagi proses kelulusan permit kerja, pihak Tuan/Puan dikehendaki mematuhi dan melengkapkan syarat-syarat seperti yang dinyatakan di lampiran. Pihak Tuan/Puan hendaklah mengemukakan kepada pihak kami untuk tindakan seterusnya.

4. Pihak Tuan/Puan diminta untuk mengemukakan insurans "**Contractor's All Risk**" yang meliputi insurans kerja dan polisi tanggungan awam, serta menanggung rugi (*indemnity*) di mana tempoh sah lakunya bermula dari Tarikh Milik Tapak sehingga tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan / "**Defected Liability Period**" (DLP). Insurans tersebut hendaklah juga melindungi (*insured*), Yang DiPertua Majlis Bandaraya Ipoh serta wakilnya yang terlibat secara langsung dengan kerja tersebut.

5. Pihak Tuan/Puan juga diminta untuk menjelaskan bayaran Caj Perkhidmatan OSA (**Sebut Harga: QT-09-0043**) bagi membolehkan permohonan kelulusan permit pihak Tuan/Puan diproses. Bersama-sama ini disertakan **Borang Permohonan Mendapatkan Kelulusan Serta Permit Bagi Kerja di dalam Rizab Jalan MBI dan Borang Bayaran Wang Cagaran** untuk tindakan selanjutnya oleh pihak Tuan/Puan. (Cek perlu disediakan secara berasingan)

6. Bagi pelaksanaan kerja-kerja ditapak, pihak Tuan/Puan adalah **DIWAJIBKAN** untuk mematuhi Garis Panduan Laluan Kemudahan Utiliti Negeri Perak dan juga syarat-syarat yang dinyatakan oleh Majlis Bandaraya Ipoh seperti di lampiran.

7. Untuk makluman pihak Tuan/Puan, kelulusan izin lalu ini hanya sah dalam tempoh 6 bulan (**180 hari**) sahaja dan pihak Tuan/Puan perlu melengkapkan syarat-syarat seperti yang dinyatakan di atas dalam tempoh tersebut. Sekiranya pihak Tuan/Puan gagal berbuat demikian, permohonan pihak Tuan/Puan akan **DIBATALKAN** dan pihak Tuan/Puan perlu mengemukakan permohonan yang baru kepada pihak kami.

8. Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan berhubung perkara di atas, sila hubungi pegawai kami **Cik Siti Nor Amanina Binti Ramli** di talian **011-21567382** untuk keterangan lanjut. Hanya dokumen yang telah dilengkapkan berdasarkan senarai semak sahaja akan diterima.





Ruj. Kami : KUDR/IWK/B/08/24/0043 (17)  
Tarikh : 24 September 2024

**PROJEK / KERJA : PERMOHONAN KELULUSAN IZIN LALU BAGI CADANGAN SALURAN  
PEMBENTUNGAN BAGI TUJUAN SKIM PERNIAGAAN SELUAS 9.760  
EKAR (3.9497 HEKTAR) DI ATAS LOT 200959 (PN: 112512) HINGGA  
LOT 200960 (PN: 112520), LOT 511553 (PN: 381706), PT 275971 HSD  
245209), DI BERCHAM, MUKIM HULU KINTA, DAERAH KINTA, PERAK  
DARUL RIDZUAN UNTUK TETUAN GERGASI BARU SDN. BHD.**

**PERKARA : PEMAKLUMAN KELULUSAN IZIN LALU BESERTA SYARAT**

Kerjasama serta perhatian daripada pihak Tuan/Puan amatlah kami hargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,

.....  
**(HASNITA BINTI MUSA@AMINDOLLAH)**  
Pengurus Koridor Negeri  
Koridor Utiliti Darul Ridzuan

OPS/20092024/Koridor/Nina

s.k :



**Pengarah Kejuruteraan Bandaraya**  
Majlis Bandaraya Ipoh,  
Jalan Sultan Abdul Jalil,  
Greentown, 30450 Ipoh,  
Perak Darul Ridzuan.  
(u.p: Bahagian Kejuruteraan Infra)

